

PERKEMBANGAN KEDATANGAN PEKERJA ASING KE BRUNEI DI ZAMAN RESIDEN (1906 - 1983)

Oleh

Noralipah binti Haji Mohamed
Akademi Pengajian Brunei
Universiti Brunei Darussalam

1 Pendahuluan

Zaman residen telah memperlihatkan titik mula bagi pentadbiran moden Negara Brunei Darussalam. Di dalam jangkamasa tersebut, pelbagai aktiviti ekonomi telah diusahakan untuk dijadikan sebagai pendapatan negara. Bermula dari perusahaan arang batu membawa kepada perusahaan industri minyak, ia telah membawa kesan yang besar kepada kedatangan pekerja asing ke Brunei. Dalam melihat kedatangan pekerja asing tersebut, pendekatan konsep tenaga kerja dan penghijrahan digunakan. Variasi aktiviti ekonomi yang mengundang kepada kedatangan pekerja asing turut diperbincangkan diikuti kemudian dengan variasi bangsa pekerja asing yang datang ke negara ini di zaman tersebut. Dalam membincangkan tentang kedatangan kumpulan pekerja asing ini pastinya ada peraturan-peraturan tertentu yang mengawalinya. Kertas ini akan cuba melihat perkara yang disebutkan di atas dengan memberikan fokus kepada kedatangan pekerja asing di Brunei pada zaman residen.

2 Konsep pekerja dan penghijrahan

Sebagai salah satu dari faktor produksi, tenaga buruh memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Kepentingan tenaga kerja atau 'buruh' ditekankan oleh Aris Ananta (1990) bila ia melihat bahawa 'sumber daya tenaga kerja tidak dapat dipisahkan secara fisik dari tenaga kerja itu sendiri'. Dalam erti kata yang lain, tenaga kerja atau 'buruh' menggunakan daya tenaga yang dirasa sendiri oleh sipelaku. Aris Ananta (1990) telah membuat satu penafsiran dengan memberi contoh bahawa 'bila sumber daya tenaga kerja dimanfaatkan, umpamanya, untuk bekerja di daerah yang amat panas, maka pemilik tenaga kerja itu sendiri juga akan merasa keperitan panas tersebut'. Partisipasi tenaga buruh berubah mengikut perubahan sistem ekonomi sesebuah negara. Penghijrahan kelompok manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain bukan lagi disebabkan perpindahan atas sebab aktiviti perhambaan atau pelarian tetapi lebih kepada impak

dari pembangunan yang bersifat kapitalis dan berkehendakkan kepada upah atau gaji. Weber (Miles 1987) melihat bahawa penghijrahan tenaga buruh bebas (*free labour*) adalah sinonim kepada sistem pembangunan yang bersifat kapitalis.

Penting juga ditekankan di sini bahawa peranan pemerintah adalah sangat penting dalam mengawal aktiviti tenaga kerja yang dibayar upah (*wage labour*). Ini kerana pihak pemerintah lah yang memberikan 'lampu hijau' kepada penglibatan pekerja (sama ada pekerja lokal atau pekerja asing) dalam sama-sama membantu kepada pembangunan negara yang berterusan. Hal yang sama berlaku di negara England semasa proses pembangunan kapitalis negara tersebut bilamana pemerintah lah yang memainkan peranan pentingnya dalam perjalanan sistem tersebut. Kesenambungan dari proses tersebut dapat kita lihat hingga ke hari ini apabila pembahagian tingkat buruh turut ditentukan mengikut lokasi dimana mereka berada. Golongan ini juga bebas untuk memilih bidang kerja yang mereka ingini. Bila disorot kembali sejarah berlakunya penghijrahan tenaga kerja dari satu tempat ke satu tempat yang lain, ia turut dikaitkan dengan kesan dari penjajahan sesebuah negara kuasa besar. Penjajahan telah merubah sebahagian besar status ekonomi, dari bentuk ekonomi subsisten membawa kepada ekonomi yang berbentuk bahan galian dan pertanian. Tenaga kerja atau 'buruh' dilatih untuk memenuhi keperluan ladang dan industri penggalian kepunyaan penjajah di negara yang dijajah (Miles 1987).

Hal yang sama turut diperbahis oleh Potts (1990) yang melihat penjajahan dengan agenda kapitalisnya telah melahirkan pasaran bagi tenaga kerja. Dengan secara langsung, ini memberikan kesan kepada pembangunan sesebuah negara sehingga ada beberapa buah negara terlalu bergantung kepada penglibatan pekerja asing di dalam agenda pembangunan negara mereka walaupun pada mulanya dalam sejarah ekonomi menyatakan bahawa tenaga kerja manusia hanya memainkan peranan yang sedikit dalam pembangunan negara. Satu perkara yang menarik dan mempunyai perkaitan dengan kedatangan pekerja asing ke Brunei ialah apabila Potts (1990) turut melihat bahawa penghijrahan atau penglibatan buruh tertentu umpamanya buruh berbangsa Cina dan India merupakan '*structural elements of European colonialism*'.

Miles (1987) pula menekankan bahawa keadaan negara asal yang tidak membangun bukanlah sebab utama penghijrahan buruh pada abad 20, malahan hakikatnya pengaliran buruh telah membentuk pelbagai variasi termasuk penghijrahan kumpulan pelarian, pedagang, pekerja professional dan kumpulan pekerja mahir.

3 Aktiviti ekonomi Brunei (1906 - 1959)

Brunei sebelum menerima British sebagai mereka yang bertanggungjawab membawa perubahan kepada sistem pentadbiran Negara Brunei Darussalam dari konsep atau sistem yang berbentuk tradisi membawa kepada konsep atau sistem moden, adalah sebuah Negara yang menggunakan tenaga kerja tempatan secara keseluruhannya. Konsep pemerintahan tradisi yang diamalkan oleh Negara Brunei Darussalam pada masa itu disesuaikan dengan amalan konsep ekonomi tradisi yang lebih mengarah kepada konsep ekonomi yang hasilnya hanya dalam bentuk konsumsi persendirian¹. Namun setelah Brunei menerima kedatangan British pada tahun 1906, sistem pentadbiran Brunei mula menerima beberapa perubahan. Perubahan dimulai dengan perpindahan lokasi pusat pentadbiran dari lokasi di perairan kepada perpindahan di kawasan daratan. Ini adalah strategi pertama pihak British untuk membawa Brunei ke bentuk sistem pentadbiran moden kerana bagi mereka sesebuah negeri itu masih belum diiktiraf maju selagi masih mempunyai pusat pentadbiran yang berpusat di air seperti yang dicatatkan di dalam Brunei Annual Report 1910 (BAR 1910). Sebagai langkah untuk melihat pembangunan Brunei yang mengarah kepada sistem pentadbiran moden, pihak British perlahan-lahan cuba merubah kehidupan rakyat Negeri Brunei dengan memperkenalkan beberapa kemudahan sosial seperti memperkenalkan sistem

¹ Tiga ciri utama perdagangan Brunei di abad ke 16 dikenalpasti iaitu (Jiram Jamit 1997):

1. Kebanyakan eksport Brunei terdiri dari bahan-bahan mentah seperti barang-barang makanan, sumber laut, keluaran hutan dan hasil galian.
2. Import Brunei terdiri daripada barang-barang pembuatan seperti kain tenunan, barang logam, barang-barang tembikar dan lain-lain
3. Kegiatan perdagangan di negeri itu dikawal oleh pemerintah pusat (termasuk golongan bangsawan) dengan rapi

Namun begitu, hal ini telah berubah apabila Brunei telah mengalami kejatuhan wilayah di akhir abad ke 19. Keyser, Konsul Agung British di Brunei (1899) mencatatkan tentang kehidupan penduduk Brunei yang dalam kemiskinan dan mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan kecuali menangkap ikan dan pada masa itu Brunei hanya berupaya menghasilkan 'cutch', ikan, barang-barang pertukangan tangan seperti perak, tembaga dan kain tenunan.

pendidikan sekular dan diikuti dengan mengadakan khidmat perubatan kepada penduduk Negeri Brunei dan kemudiannya membenarkan orang tempatan untuk ikutserta di dalam pentadbiran Negeri Brunei walaupun jawatannya hanya pada posisi yang paling rendah.

Kemudian, pentadbiran British residen mula menyusun sistem pentadbiran negara dengan memfokuskan kepada beberapa perkara seperti penyusunan sistem tanah (Jatswan S.Sidhu 1995). Hal ini dilakukan sebagai salah satu cara untuk memperolehi sumber pendapatan negara melalui 'cukai dan sewa tanah'. Ini juga secara langsung dapat membuka ruang dan peluang kepada pelabur-pelabur untuk mengusahakan tanah tersebut ke bentuk komersial. Ini terbukti apabila langkah tersebut telah mengundang partisipasi pelabur-pelabur asing untuk memajukan tanah tersebut. Kewujudan beberapa aktiviti ekonomi utama seperti perusahaan arang batu, ubar (*cutch*), sagu, jelutong dan minyak membuktikan bahawa usaha yang dibuat oleh residen British memberikan satu petanda baik kepada ekonomi negara pada masa itu. Kegiatan ekonomi yang bersumberkan alam ini sedikit sebanyak bertambah meningkat kuantitinya berdasarkan kepada kepentingan dan keperluan satu-satu aktiviti ekonomi yang diusahakan.

i Perusahaan Arang Batu

Perusahaan arang batu adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Lokasi aktiviti ekonomi ini ialah di Brooketon (Jatswan S.Sidhu 1995). Perlombongan yang dipunyai oleh Rajah Sarawak ini telah menyumbang eksport yang penting bagi Brunei pada masa itu. Tahun 1914 mencatatkan keuntungan bagi lombong ini dengan jumlah sebanyak \$1527 (Jatswan S.Sidhu 1995). Perkembangan kepada nilai eksport bagi arang batu mengalami perubahan yang sedikit di antara tahun 1913 hingga 1918. Sehingga ke tahun 1918, dengan jumlah kadar 40% dicatatkan dari nilai eksport keseluruhan menunjukkan bahawa perusahaan ini adalah antara perusahaan terbesar di Brunei pada masa itu (Jiram Jamit 1997). Aktiviti ini kemudian telah mengalami kemerosotan sehingga akhir 1925 apabila 'berakhirnya tempoh pajakan ke atas kedua

kawasan lombong² yang diusahakan oleh keluarga Brooke' (Jiram Jamit 1997). Ini memberikan impak yang besar kepada aktiviti perusahaan arang batu bilamana aktiviti melombong cuma dilakukan secara *manual* oleh penduduk tempatan dan ini tidak memberikan sumbangan yang memuaskan kepada pendapatan negara seperti sebelumnya.

ii Ubar (*cutch*)

Industri ini telah diusahakan oleh The Island Trading Company³ Berganding dengan aktiviti perusahaan arang batu, perusahaan ubar (*cutch*) juga turut menyumbang kepada pendapatan negara di awal abad ke 20. Aktiviti industri ubar (*cutch*) ini telah bermula seawal tahun 1901 membawa kepada tahun 1906. Industri ini turut menyumbang kepada jumlah eksport negara yang besar. Umpamanya pada tahun 1909, nilai eksport bagi ubar (*cutch*) ialah \$232, 498. Terjadi penurunan kepada eksport bagi ubar (*cutch*) ini apabila dicatatkan pada tahun 1913, nilai eksportnya telah jatuh kepada \$207,729 (Jiram Jamit 1997). Namun begitu, hal ini tidak berlangsung secara berterusan apabila tahun 1916 ke tahun 1924, nilai eksport bagi ubar (*cutch*) ialah \$2 464 980. Pendapatan bagi industri ini bukan hanya tertumpu kepada jumlah eksportnya tetapi juga meliputi bayaran 'sewa tanah tapak kilang, konsesi paya bakau dan duti eksport yang dibayar oleh syarikat tersebut' (Jatswan S.Sidhu 1995). Pengenalan kepada beberapa industri lain di masa yang sama telah memberikan kesan kepada industri ini. Tambahan lagi industri yang tumbuh tersebut memberikan pendapatan yang lebih lumayan berbanding industri ini dan dalam masa yang sama, industri ubar (*cutch*) mengalami masalah dari segi pembekalan bahan utama.

iii Sagu

Selain dari perusahaan yang telah dinyatakan di atas, perusahaan sagu turut menyumbang kepada pendapatan negara di awal zaman residen British. Sebelum zaman itu pun, Brunei telah dikenali sebagai pengeksport sagu. Ini dicatatkan oleh MacArthur (Jiram Jamit 1997) yang berbunyi:

² Dua lombong tersebut ialah lombong arang batu yang terletak di Brooketon dan di Pulau Berambang.

³ Jatswan S.Sidhu (1995) menyebutnya sebagai Island Trading Syndicate.

“...The decrease in 1885 was at the time attributed to disturbances on the Limbang. The main export was sago, which came to Brunei from Limbang.”

Peningkatan kepada industri ini adalah juga turut disebabkan sago telah dijadikan sebagai alternatif kepada beras pada awal Perang Dunia Pertama. Kepentingan pemprosesan sago telah diambil kira apabila kilang memproses sago telah diterima oleh kerajaan pada tahun 1910. Sehingga ke tahun 1924, kesemua daerah memiliki kilang memprosesnya sendiri. Selepas Perang Dunia Kedua, permintaan terhadap sago meningkat apabila sekali lagi sago dijadikan gantian kepada beras (Sila lihat Jadual 1). Walaupun begitu, penghasilannya tetap tidak dapat menyaingi beberapa industri penting yang memberikan pendapatan yang lebih besar kepada negara.

Jadual 1
Eksport Tepung Sagu Tahun 1932 - 1940

Tahun	Kuantiti (Pikul)	Tepung Sagu (\$)
1932	5,148	8,568
1933	5,125	4,524
1934	1,895	2,506
1935	2,603	6,177
1936	5,973	13,968
1937	9,707	28,093
1938	6,519	13,408
1939	12,517	39,963
1940	19,315	102,589

Sumber: Jiram Jamit, 1997, Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959), Tesis MA, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

iv Jelutong

Jelutong adalah antara perusahaan penting di Brunei. Ia dimonopoli oleh pengusaha-pengusaha Cina yang mendapat pajakan tanah untuk diusahakan dan kemudian

ditoreh oleh kaum Iban. Menurut catatan, kesemua daerah mempunyai tanaman pokok jelutung. Namun begitu, Daerah Belait adalah pengusaha yang terbesar dari kesemua daerah. Pentingnya industri ini sebagai penyumbang kepada pendapatan Brunei terbukti apabila tahun 1915 mencatatkan nilai eksport \$40,817. Namun begitu, penurunan kemudian terjadi apabila penoreh-penoreh telah mula beralih ke beberapa industri yang lain.

v Getah

Selepas melihat beberapa aktiviti ekonomi yang telah diusahakan di negara ini, terdapat beberapa aktiviti ekonomi lain yang turut menyumbang kepada pendapatan negara. Salah satu daripadanya ialah industri getah. Ladang getah yang ada pada masa ini didominasi oleh pelabur luar⁴. Namun begitu pengusaha tempatan turut sama berganding bahu dalam aktiviti perusahaan getah tetapi hanya dalam bentuk kecil-kecilan. Sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang terpenting, industri getah telah mula menyumbangkan hasilnya pada eksportnya yang pertama di tahun 1914 pada jumlah yang agak sedikit. Terjadi peningkatan yang mendadak di tahun seterusnya apabila eksportnya telah mencecah ke angka \$60,103 (Jiram Jamit 1997). Dua tahun selepas itu, peranan pentingnya kepada negara terserlah apabila eksportnya mencapai ke jumlah \$284,919. Dari setahun ke setahun ia terus meningkat sehingga ke tahun 1929, jumlahnya mencapai ke jumlah \$742,999 (Sila lihat Jadual 2)

⁴ Dari jumlah 2200 ekar keluasan ladang getah di Brunei, 1245 ekar adalah kepunyaan pelabur Barat Ini ditambah lagi dengan melihat bahawa sehingga tahun 1911, lima buah ladang dimiliki oleh pelabur Barat.

Jadual 2
Eksport Getah Tahun 1919 - 1931

Tahun	Kuantiti	Nilai (\$)	% daripada eksport keseluruhan
1919	429,823	243,569	21.5
1920	342,800	214,733	18.3
1921	243,977	82,217	10.4
1922	316,989	91,104	15.8
1923	835,653	363,200	40.3
1924	1,065,489	387,793	44.6
1925	1,317,485	1,318,217	70.9
1926	1,457,772	1,032,055	62.5
1927	1,571,552	892,627	61.8
1928	1,669,679	581,265	54.9
1929	2,301,625	742,999	59.4
1930	1,980,816	377,927	46.8
1931	1,622,454	161,204	32.1

Sumber: Jiram Jamit, 1997, Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959), Tesis MA, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas bolehlah dilihat bahawa pentingnya perusahaan getah di Brunei dalam jangkamasa zaman residen menggambarkan bahawa secara langsung ia turut menyumbang kepada pembabitan pekerja asing yang didatangkan untuk menampung buruh yang diperlukan. Hal ini diperakui apabila pada tahun 1920 (Jatswan S.Sidhu 1995), 'satu permohonan untuk membawa masuk buruh India bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh diterima oleh kerajaan'. Sehingga ke tahun 1958, 2.3 juta pound kuantiti eksport getah dicatatkan dengan nilai \$1.7 juta.

vi Minyak

Industri minyak adalah hasil sumber bumi yang paling penting bagi Brunei. Selepas kemelesetan beberapa industri yang lain, industri minyak dianggap sebagai penyelamat kepada pendapatan negara. Usaha carigali telah bermula seawal 1903. Usaha diteruskan

sehingga menarik minat British Malayan Petroleum Company untuk mencarigali minyak di Brunei sehingga pada tahun 1929, sebuah telaga minyak yang besar telah dijumpai. Jumlah pendapatan hasil dari industri minyak tidak dapat dipertikaikan lagi apabila hasil darinya mampu melangsaikan semua hutang-hutang negara kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan adanya industri ini, ia bukan saja mampu menjadi tempat bergantung ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama ia turut menyumbang kepada penyediaan kerja sehingga dicatatkan pada tahun 1951, 'tiada lagi pengangguran di Brunei dan jumlah pekerjaan jauh melebihi jumlah penawaran tenaga buruh' (Jatswan S. Sidhu 1995).

Melihat kepada perkembangan industri-industri yang dihasilkan di Brunei di zaman residen, ini sudah pasti mengundang kepada kedatangan pelbagai bangsa pekerja dari luar. Kekurangan pekerja tempatan yang boleh ditempatkan di industri-industri tertentu membawa kepada keperluan pekerja-pekerja asing di Brunei pada jangkamasa tersebut.

4 Bangsa yang terlibat

Beberapa jenis bangsa pekerja asing yang dikenalpasti terlibat dalam aktiviti ekonomi di zaman residen. Antaranya termasuklah pekerja Cina, India, Jawa, Dayak dan bangsa Eropah.

i Pekerja Cina

Kebanyakan aktiviti perusahaan ekonomi yang dinyatakan di atas merupakan penyumbang utama kepada kedatangan pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam pada masa itu. Di antara variasi pekerja asing yang paling ramai diperlukan ialah pekerja berbangsa Cina. Catatan Banci Penduduk Brunei Tahun 1921 dan 1931 memperlihatkan bahawa bangsa ini mencatatkan jumlah kedua terbesar selepas bangsa Melayu (Sila lihat Jadual 3).

Jadual 3 Penduduk Brunei Tahun 1921 dan 1931

Kaum/Tahun	1921		1931	
	Bil.	%	Bil.	%
European	35	0.1	60	0.2
Eurasians	1		10	
Melayu	23,943	94.1	26,293	87.3
Lain-lain Melayu			679	2.3
Cina	1,423	5.6	2,683	8.9
India	38	0.2	377	1.3
Lain-lain	11		33	
Jumlah	25,451	100	30,135	100

Sumber: Jiram Jamit, 1997, Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959), Tesis MA, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Aktiviti perlombongan arang batu telah mencatatkan sejumlah 118 orang Cina telah terlibat pada tahun 1921 (Jatswan S.Sidhu 1995). Kemudian di tahun 1922, 122 orang pekerja bangsa ini telah ditempatkan di dalam perusahaan getah. Di dalam perusahaan ini tidak dinafikan bahawa pekerja Cina adalah yang paling ramai berbanding bangsa lain. Sepuluh tahun kemudian, jumlahnya meningkat kepada jumlah 951 orang. Salah satu faktor yang membawa kepada peningkatan ini ialah kesan dari penemuan minyak pada tahun 1929 (BAR 1929). Selepas Perang Dunia Kedua, bilangan pekerja Cina meningkat dengan pesat berbanding dengan tempoh sebelum perang. Tahun 1948 saja mencatatkan seramai 1,146 orang pekerja berbangsa Cina (BAR 1948). Dari jumlah itu, seramai 1,131 orang bekerja di dalam industri minyak. Sepuluh tahun kemudian, jumlahnya mula menurun perlahan-lahan. Sehingga ke tahun 1958 saja dilaporkan bahawa pekerja berbangsa Cina di dalam dua sektor ini hanya mencatatkan 929 orang.

ii Pekerja India

Pekerja berbangsa India pula mula diambil bekerja seawal tahun 1925 iaitu setelah Indian Immigration Enactment mula dirangka akhir tahun 1923 (BAR 1923). Hasrat negeri untuk mendapatkan khidmat pekerja Tamil hanya tercapai pada tahun 1925

apabila enakmen ini dikuatkuasakan pada tahun 1924 (BAR 1924). Pada tahun 1925, sebanyak 44 orang pekerja dari India diambil bekerja di dalam bidang perusahaan getah. Kemudian peningkatan kepada pekerja ini meningkat secara mendadak dua tahun selepas itu yang membawa kepada jumlah 427 orang. Jumlah eksport getah yang mencapai hingga 650 tan pada tahun 1926 dan pernyataan yang mengatakan 'keuntungan salah sebuah ladang kepunyaan pelabur Barat berjumlah lebih kurang separuh daripada pendapatan negeri itu' sedikit sebanyak telah mempengaruhi kepada peningkatan jumlah pekerja India di sektor ini.

Peningkatan ini terus berlaku sehingga tahun 1930 (BAR 1930) dengan jumlah 310 orang pekerja India. Kesan dari penemuan minyak pada bulan April 1929 (BAR 1930), tidak dinafikan bahawa sektor ini juga turut memerlukan tenaga dari pekerja berbangsa India. Dicatatkan pada tahun ini pekerja berbangsa India yang berkhidmat di perusahaan minyak ialah 249 orang, jumlah yang kedua besar selepas pekerja berbangsa Cina. Selebihnya adalah kumpulan pekerja yang berkhidmat di perusahaan getah. Kemudian di tahun seterusnya mencatatkan penurunan kepada jumlah kumpulan pekerja ini kepada jumlah 170 orang (BAR 1931). Penurunan kepada jumlah ini berterusan sehingga ke tahun akhir sebelum perang dunia kedua.

Selepas perang, terjadi semula peningkatan kepada jumlah bilangannya. Tahun 1948 saja mencatatkan jumlah bilangan pekerja India ialah 218 orang (BAR 1948) dan kesemuanya ditempatkan di perusahaan minyak. Keadaan bilangan pekerja ini agak seimbang sehingga tahun 1953. Peningkatan kepada jumlah pekerja India ketara apabila dicatatkan jumlah bilangan di perusahaan ini ialah 713 orang (BAR 1953). Hal ini hanya berlaku sehingga tahun 1959 kerana selepas itu, penurunan drastic kepada jumlah bilangan pekerja India terus berlaku.

iii Pekerja Jawa

Pekerja Jawa yang juga sebagai penyumbang tenaga kepada pembangunan ekonomi Negara. Dimulai pada tahun 1922, keramaian pekerja Jawa ialah 77 orang (BAR 1922). Keterlibatan mereka hanya di dalam bidang perusahaan getah. Sama seperti yang

dialami oleh pekerja India, peningkatan juga terjadi pada pekerja dari Jawa pada tahun 1925 sehingga mencecah ke jumlah keramaian 126 orang (BAR 1925). Sepuluh tahun kemudian, terjadi penurunan kepada jumlah keramaian. Dengan jumlah 61 orang, penglibatan mereka masih terhad di dalam bidang perusahaan getah (BAR 1935). Keadaan bilangan jumlah pekerja Jawa ini agak seimbang di tahun-tahun seterusnya.

iv Pekerja Iban/Dayak

Pekerja Iban/Dayak, walaupun mempunyai jumlah yang kecil berbanding pekerja-pekerja lain, penglibatannya tetap dianggap penting. Penglibatan mereka hanya dimulai pada tahun 1929. Di tahun ini, dua orang puak Dayak telah berkhidmat di perusahaan minyak di bawah British Malayan Petroleum Company Ltd. yang terletak di Daerah Belait (BAR 1929). Peningkatan demi peningkatan berlaku sehingga selepas perang dunia kedua, jumlah keramaiannya meningkat dengan begitu drastic sekali sehingga pada tahun 1949, jumlahnya mencapai ke 910 orang (BAR 1949), 889 orang melibatkan diri di dalam perusahaan minyak dan selebihnya di dalam bidang perusahaan getah dan ubar. Namun begitu, penurunan kepada bilangan terus berlaku sepuluh tahun kemudian apabila pada tahun 1959, bilangannya telah turun ke paras 147 orang. Hal ini berterusan berlaku di tahun-tahun seterusnya.

v Pekerja Eropah

Penglibatan pekerja Eropah di dalam aktiviti ekonomi negara tidak dapat dinafikan lagi. Dengan jumlah bilangan 978 orang seperti yang dicatatkan pada tahun 1952, ia cukup untuk membuktikan bahawa memang pun sebelum ini pekerja Eropah telah melibatkan diri di dalam aktiviti negara. Bilangannya kemudian meningkat lagi lima tahun selepas itu yang membawa kepada jumlah 1,345 orang pada tahun 1957 (BAR 1957).

vi Pekerja-pekerja asing lain

Selain pekerja-pekerjas asing yang telah disebutkan di atas, terdapat juga pekerja-pekerja asing lain yang datang hanya dalam kuantiti yang sedikit. Eurasians sebagai salah satu sumber pekerja asing Negeri Brunei pada masa itu, hanya dikenalpasti berkhidmat di Negeri Brunei selepas perang dunia kedua. Tahun 1946 mencatatkan jumlah bilangan pekerja berbangsa Eurasians ialah 10 orang. Jumlah ini berubah dengan

beza yang sedikit sahaja kerana pada tahun 1950 sahaja dilihat bahawa jumlah pekerja bangsa ini hanya 15 orang.

Di antara jumlah pekerja-pekerja asing yang berkhidmat di Negeri Brunei pada masa itu, terdapat juga beberapa kelompok pekerja yang tidak dinyatakan bangsa atau puak asalnya. Kelompok ini digolongkan di dalam golongan lain-lain. Kelompok ini hanya dicatatkan seawal tahun 1925 dengan jumlah 21 orang. Peningkatan yang terjadi pada kelompok pekerja ini juga hanya dalam jumlah yang sedikit. Selepas perang dunia kedua sahaja mencatatkan jumlahnya hanya 15 orang (BAR 1951). Hanya pada tahun 1968, barulah jumlah ini mencecah ke angka 106 orang.

Setelah melihat kepada jumlah kedatangan pekerja asing ke Brunei atas keperluan tertentu, pastinya ada peraturan yang mengawal kemasukan mereka ke negara ini.

5 Peraturan untuk pekerja asing di Negara Brunei Darussalam

Aliran keluar masuk pekerja yang sentiasa berjalan lancar haruslah berpandukan kepada satu undang-undang sebagai panduan yang harus dipatuhi. Pada dasarnya, enakmen yang memperkatakan tentang hal perburuhan telah diadakan seawal tahun 1913 yang dimasukkan di bawah Enactment 1 of 1913 (BAR 1913). Keperluan kepada pekerja luar terutama mereka yang berbangsa India telah melahirkan Indian Immigration Enactment (BAR 1924) dengan harapan agar dengan adanya enakmen ini akan dapat merealisasikan kehendak terhadap keperluan tenaga kerja berbangsa Tamil.

Memandangkan kepada keperluan jumlah pekerja yang semakin meningkat, pindaan kemudian dibuat pada tahun 1929 yang diberi nama Labour Enactment, 1913 Amendment Enactment 1929 (BAR 1929). Kandungan enakmen ini bersangkutanpaut dengan kedatangan pekerja India ke Brunei. Pindaan ini memasukkan Indian Immigration Enactment sebagai satu keperluan kepada variasi pekerja yang sedia ada. Dengan adanya pindaan enakmen ini, segala urusan keluar masuk pekerja yang berasal dari India Selatan dikendalikan oleh Indian Immigration Committee. Indian Immigration Fund pula bertanggungjawab ke atas segala perbelanjaan dalam perjalanan

pekerja-pekerja ini. Untuk menyesuaikan dengan kehendak Kongres Buruh Antarabangsa (International Labour Congress), enakmen terdahulu telah melalui pindaan lagi yang menyerupai dengan Federated States Labour Code 1923 (BAR 1923). Sehingga ke tahun 1954, kedatangan pekerja asing ke Brunei dikawal melalui satu undang-undang di bawah Enakmen No. 11 Tahun 1954 (*The Enactments of Brunei 1952-1954*) dari seksyen 1 hingga seksyen 132 yang mengandungi 17 bab.

6 Kesimpulan

Kepelbagaian aktiviti ekonomi yang diperkenalkan di Brunei telah membawa kesan yang besar kepada kedatangan pekerja asing ke Brunei terutamanya di zaman residen kerana titikmula aktiviti ekonomi tersebut bermula setelah residen British mula bertapak di Brunei. Bilangan kumpulan ini juga turut berubah mengikut keperluan di bidang industri masing-masing. Kemajuan yang ditunjukkan oleh beberapa industri yang menyumbang besar kepada eksport negara memberikan kesan kepada jumlah sesetengah pekerja asing yang datang ke Brunei. Pekerja India sebagai contoh telah didatangkan dalam jumlah yang besar semata-mata untuk menampung keperluan di ladang getah. Selain memberikan kesan kepada jumlah pekerja tersebut, ia juga turut memberikan kesan kepada penguatkuasaan peraturan yang digariskan untuk mengawal kedatangan mereka. Namun bagi sesetengah golongan bangsa lain seperti Cina dan bangsa Eropah pula, kedatangan mereka rata-rata untuk mengemudi beberapa industri ekonomi. Bangsa Eropah bertindak sebagai perancang dan pengusaha, begitu juga golongan dari bangsa Cina.

Jika dilihat dari konsep penghijrahan yang telah dinyatakan di atas, memang jelas bahawa kedatangan pekerja asing ke Brunei adalah kesan dari penaugan yang dialami oleh negara ini sendiri. Residen British yang telah berusaha untuk mendedahkan negara kepada pelbagai aktiviti ekonomi telah turut sama mengundang kedatangan pekerja asing yang ramai dan mempunyai variasi bangsa yang berlainan sehingga ke tahun 1954 bila Enakmen No. 11 Tahun 1954 yang mengawal kedatangan pekerja asing telah digubal untuk memastikan kedatangan pekerja ini terkawal dan sentiasa mengikut peraturan yang telah digariskan.

BIBLIOGRAFI

Aris Ananta, 1990, *Ekonomi Sumber Daya Manusia*, Jakarta: Universiti Indonesia

Brunei Annual Report (Pelbagai Keluaran)

Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2002, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Brunei Darussalam

Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2003, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Brunei Darussalam

Graham Saunders, 1991, *A History of Brunei*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Jatswan S. Sidhu, (1995), *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Jiram Jamit, 1997, *Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959)*, Tesis MA, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Kothari, U, (2002), *Migration and chronic poverty*, Working Paper No. 16, Institute for Development, Policy and Management, University of Manchester, UK. Available: <http://www.chronicpoverty.org/pdfs/MigrationJun-02.pdf> . [2004, January 21]

Noralipah binti Mohamed, (2001), *Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja Filipina*, *Latihan Ilmiah*, Universiti Brunei Darussalam

The Enactments of Brunei 1952-1955